



RAMLAH ISMAIL menjemur pakaian di luar khemah sementara setelah rumahnya musnah dalam banjir besar tahun lalu di Bandar Utama, Gua Musang, Kelantan, semalam. - **UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH**

Impian mangsa banjir miliki rumah masih kabur

GUA MUSANG 5 Okt. - Mangsa malapetaka bah kuning di daerah ini masih menantikan rumah kekal yang dijanjikan oleh pihak kerajaan.

Selepas 10 bulan bencana itu berlalu, masih terdapat lebih 100 keluarga yang tinggal di kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Etnobotani dan 14 keluarga lagi di khemah sementara, Bandar Utama di sini.

Tinjauan mendapati 14 keluarga yang beratapkan khemah masih menaruh impian untuk memiliki rumah kekal sebelum menjelang musim tengkujuh yang diramalkan berlaku hujung November ini.

Bagaimanapun, mereka yang masih tinggal dalam khemah tidak menyalahkan mana-mana pihak kerana itu merupakan kemahuan mereka sendiri yang tidak mahu berpindah ke Kem PLKN Etnobotani biarpun penempatan di situ lebih selesa.

Seorang mangsa banjir, **Ramlah Ismail**, 51, berkata, impian mereka untuk memiliki rumah sebelum menjelang musim tengkujuh dilihat masih lagi kabur.

Katanya, khemah yang mereka diami sudah rosak dan reput akibat cuaca panas serta hujan yang tidak menentu.

"Kebanyakan khemah penduduk sudah rosak dan bocor menyebabkan kami terpaksa meletakkan khemah tambahan dan membuat longkang kecil di sekeliling khemah.

"Kami masih tidak mengetahui status pembinaan rumah kekal yang dijanjikan dan berharap penyerahan rumah dapat dilakukan sebelum musim tengkujuh," katanya di sini hari ini.